

# 'Najib cakap tak serupa bikin, pakai jam mewah'

BH-15/2/2019 m/s: 7

**Kuala Lumpur:** Kononnya prihatin dengan kesulitan dihadapi rakyat, Datuk Seri Najib Razak malam semalam, dilihat seperti 'cakap tidak serupa bikin' apabila beliau sendiri memakai jam tangan mewah yang dianggarkan berharga RM76,000.

Berdasarkan gambar yang sempat dirakam ketika beliau berehat dan menikmati segelas teh o di Semenyih, malam tadi, bekas Perdana Menteri itu dipercayai memakai jam tangan jenama *Officine Panerai Luminor Submersible 1950* yang berharga 14,500 pound atau RM75,819 berdasarkan tukaran mata

wang semasa.

Menerusi carian di laman web, jam mewah berkenaan dikeluarkan oleh *Officine Panerai*, pengeluar jam tangan mewah yang berpangkalan di Itali. *Officine Panerai* adalah anak syarikat milik penuh *Compagnie Financière Richemont SA*.

## **Kekal gaya hidup mewah**

Di sebalik membangkitkan pelbagai isu kononnya kerajaan tidak prihatin terhadap nasib rakyat yang didakwanya terbeban kenaikan kos sara hidup, bekas Presiden UMNO masih mengekalkan gaya hidup mewah dengan membawa slogan 'pencuri

hati rakyat'

Malah, Najib turut memuat naik beberapa keping gambar beliau sedang menolak troli membeli barang di sebuah pasar raya di Semenyih dalam media sosialnya sambil secara sinis mendakwa 'troli tidak penuh berbelanja dengan wang RM50.'

Najib yang kini berdepan pelbagai tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram sebelum ini turut dilapor memiliki banyak jam tangan mewah dan berjenama berharga puluhan ribu ringgit, sehingga menimbulkan keraguan kepada masyarakat.

Beberapa laman web dan blog sebelum ini turut melaporkan, antara jenama jam mewah yang dikatakan dipakai Najib ialah *Hublot*, *Harry Winston* dan *Audemars Piguet* yang harganya mencecah ratusan ribu ringgit.

Pada Jun tahun lalu, pasukan polis dalam serbuan di sebuah kediaman yang dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri di ibu negara, bagi mengumpul bukti dalam siasatan kes berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), turut menemui enam beg mengandungi 423 utas jam tangan bernilai RM78 juta membabitkan lebih 100 jenama.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]



**Najib menikmati teh** selepas membeli barangan di Tesco, Semenyih, semalam.